



MEMO

JABATAN TENAGA MANUSIA
KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

RUJUKAN: JTM/HQ/900-3/24 JId. (20)

TARIKH: 23 April 2013

**PERKARA : PENJELASAN MENGENAI STATUS PENGGUNAAN SILIBUS
ILJTM**

DARIPADA : TKP

SALINAN :

- 1) P(KT)
- 2) KPP(KT)
- 3) Unit Kurikulum
- 4) Unit Peperiksaan

KEPADА : SEMUA PENGARAH ILJTM

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa terdapat kekeliruan berkaitan status penggunaan silibus diperingkat institut berikut daripada maklumat audit dalaman yang dijalankan baru-baru ini. Isu ini juga didapati memberi kesan terhadap proses penggubalan soalan peperiksaan akhir yang dijalankan secara berpusat oleh jabatan.

3. Sehubungan dengan itu, pihak institut diminta memastikan silibus yang digunakan bagi proses pengajaran dan pembelajaran hendaklah berdasarkan silibus yang terkini dan **selari dengan arahan penguatkuasaan bagi penggunaan silibus tersebut**.

4. Penggunaan silibus baru hendaklah bermula dengan pelajar ambilan baru dan mana-mana kumpulan pelajar yang menggunakan silibus lama perlu menghabiskan latihan dengan menggunakan silibus lama supaya kesinambungan latihan tidak terganggu.

5. Diharapkan dengan penjelasan ini, kekeliruan pihak institut tentang penggunaan dan status setiap silibus dapat diminimakan. Kerjasama dan perhatian tuan terhadap perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
'Pekerja Pemangkin Transformasi Negara'

(SYED MOHAMAD NOOR BIN SYED MAT ALI)
b.p Ketua Pengarah
Jabatan Tenaga Manusia.

DIHANTAR	
CAW. KAWALAN TEKNIKL	
<input type="radio"/>	E-MAIL
<input checked="" type="radio"/>	MAIL / COUNTER
<input checked="" type="radio"/>	FAX
TARIKH 23/4/2013	